

[FOTO SADDAM YUSOFF / BH]



Voon Hon (tiga dari kanan) bertukar dokumen bersama Timbalan Pengurus Besar Hankyu Hanshin, Masahiko Toda pada majlis pemerintian usaha sama antara Ireka dan Hankyu Hanshin di Kuala Lumpur, semalam.

Ireka, firma Jepun rancang projek Dwi@Rimbun Kasia

Pelancaran awal dijadual Jun babit kos RM400 juta

Oleh Suffian A Bakar
suffian@nsp.com.my

Ireka Corporation Bhd akan melancarkan projek Dwi@ Rimbun Kasia seawal Jun depan, kata Pengarah Urusan Kum-pulannya, Datuk Lai Voon Hon.

Beliau berkata, fasa pertama projek Rimbun Kasia di Nilai itu akan dimajukan secara bersama dengan pemaju harta tanah terkenal Jepun, Hankyu Hanshin Properties Corp.

Katanya, fasa pertama itu akan

membabitkan pembinaan 382 unit pangsapuri sembilan tingkat yang ditawarkan pada harga indikatif bermula daripada RM297,480 seunit.

"Pelancaran awal Dwi@ Rimbun Kasia dijadualkan Jun atau Julai depan, yang mana kerja pembinaan akan bermula pada suku ketiga tahun ini. Fasa pertama itu dijangka siap pada 2021," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian pada majlis pemerintian usaha sama antara Ireka dengan Hankyu

Hanshin Properties Corp dari Osaka, Jepun.

Projek di Nilai

Menerusi usaha sama itu, Hankyu Hanshin akan menguasai 45 peratus kepentingan dalam Meadowfield Sdn Bhd, iaitu pemaju projek Dwi@Rimbun Kasia, manakala baki 55 peratus dikuasai Ireka.

Meadowfield adalah anak syarikat milik penuh Ireka.

Hankyu Hanshin adalah anak syarikat milik penuh konglomerat Hankyu Hanshin Holdings Inc, dengan perniagaan teras antara

lain dalam harta tanah, pengangkutan bandar, hiburan dan komunikasi serta perhotelan.

Nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhan Rimbun Kasia dianggarkan RM1.3 bilion, merangkumi lima bahagian projek kediaman dan satu komersial di kawasan seluas 12.2 hektar di Nilai yang dijadualkan siap sepenuhnya dalam tempoh tujuh tahun akan datang.

GDV bagi Dwi@Rimbun Kasia ialah RM400 juta.

Ia projek harta tanah pertama Hankyu Hanshin di Malaysia.